

Mendapan pasir punca sering banjir

■ MOHD HAFIZ ISMAIL

SHAH ALAM - Mendapan pasir dalam longkang merupakan salah satu faktor berlakunya banjir kilat di Jalan Pinang dan Jalan Sultan, Kuala Lumpur pada Rabu lalu.

Ketua Pengarah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Datuk Mhd Amin Nordin Abd Aziz berkata, tindakan pemaju tidak membuat tapisan terhadap pasir di tapak pembinaan menyebabkan sejumlah besar pasir masuk ke dalam longkang.

“Longkang akan menjadi sempit dan cetek apabila pasir masuk dan mendap ke dalamnya. Apabila hujan turun dengan lebat longkang tersebut tidak mampu menampung jumlah air yang banyak lalu melimpah keluar,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Katanya, DBKL memberi notis amaran agar pihak terbabit ambil tindakan sewajarnya agar perkara serupa ini tidak berulang.

“Sekiranya gagal mematuhi arahan, pemaju akan diarahkan mem-berhentikan kerja-kerja pembinaan.



Sistem perparitan yang tidak sempurna menjadi punca banjir kilat berlaku.

“Setakat ini kita (DBKL) telah mengeluarkan denda RM50,000 atas kesalahan gagal mengawasi tapak pembinaan,” katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata pihaknya telah mengarahkan Alam Flora dan Jabatan Perancangan Bandar DBKL membuat pemeriksaan di kawasan yang dilanda banjir kilat.

“DBKL telah mengadakan me-

syuarat bersama beberapa agensi berkaitan dan bekerjasama menangani masalah banjir kilat,” katanya.

Tambahnya, banjir kilat yang sering berlaku di pusat bandar Kuala Lumpur sememangnya tidak boleh dielakkan walaupun dengan membina longkang yang lebih lebar dan dalam.

“Analogi yang mudah difahami

adalah sebiji gelas dituangkan air dalam jumlah yang banyak pasti akan melimpah. Sama seperti apa yang berlaku tempoh hari.

“Tetapi kita ada sistem saliran yang baik kerana dalam masa lebih kurang 30 minit air di kawasan yang mengalami banjir kilat surut,” katanya.

Bina kawasan tadahan sementara

Sementara itu, Naib Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia, Prof Dr Ahmad Ismail berkata, kerajaan perlu menyediakan kawasan tadahan hujan sementara di Kuala Lumpur bagi mengelakkan kejadian banjir kilat seperti yang berlaku pada minggu lalu.

Menurutnya, ketiadaan kawasan tadahan berkenaan akan menyebabkan pertambahan laluan air di kawasan hujan lebat dan seterusnya, boleh menyekat aliran air ke sungai.

“Apabila hujan turun dengan lebat untuk jangka masa yang panjang, pasti jumlah air bertakung meningkat dari masa ke semasa.

“Kawasan tadahan hujan yang dicadangkan ini akan berfungsi sebagai takungan sementara air hujan sebelum ia dilepaskan ke sungai,” katanya.

Beliau berkata, pembinaan sungai, parit dan longkang oleh pihak perancangan bandar juga sangat penting demi keselamatan awam.

“Aspek geografi perlu diambil kira kerana saliran air perlu dirancang dengan teliti supaya air dapat disalurkan dari kawasan tinggi ke kawasan rendah.

“Kerajaan harus mengkaji takungan laluan air bagi memastikan kelancaran aliran air hujan,” jelasnya.

Menurutnya, sikap tidak bertanggungjawab masyarakat membuang sampah ke dalam laluan air juga menjadi salah satu penyumbang kepada masalah banjir kilat.

“Pemantauan laluan air tidak kira sungai mahupun longkang wajar dilakukan dengan kerap kerana wujud kawasan perangkap sampah yang boleh memperlambatkan aliran air di beberapa tempat,” katanya lagi.